

Mahathir yakin Barisan Nasional menang pilihanraya di Sabah

UM 24 APR 1986

KUALA LUMPUR 23 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional akan memenangi pilihanraya umum Negeri Sabah yang akan diadakan pada 5 dan 6 Mei.

“Sudah tentu, Barisan Nasional boleh menang. Kita di Barisan Nasional sentiasa menaruh harapan,” katanya kepada para pemberita selepas me-

lihat sarkas Sains Canada di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Berjaya yang mewakili Barisan Nasional bertanding 37 kerusi daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan.

Ditanya sama ada Barisan Nasional akan menghantar rombongan dari Semenanjung Malaysia untuk berkempen membantu

Berjaya, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata itu belum diputuskan kerana Barisan Nasional masih belum menerima permintaan dari Berjaya untuk bantuan berkempen.

Bagaimanapun, beliau berkata beliau tidak akan pergi ke Sarawak dalam tempoh pilihanraya diadakan.

Datuk Sri. Dr. Mahathir juga menjelas-

kan keputusan Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun tidak bertanding dalam pilihanraya negeri itu bukan kerana syarat - syarat yang ditetapkan dalam formula damai tajaan UMNO untuk menyelesaikan krisis politik di Sabah.

“Saya tidak tahu kenapa. Tetapi saya fikir itu adalah hak mereka untuk bertanding atau tidak,” ujar-

nya.

Mengenai tarikh pilihanraya umum, Perdana Menteri berkata segala tarikh mungkin sama ada 14 hari sebelum puasa atau 14 hari selepas puasa.

“Tempoh 14 hari (untuk berkempen) adalah penting. Pilihanraya boleh diadakan sebelum itu atau selepas itu. Segala - galanya mungkin kecuali selepas April 1987 (tempoh kerajaan berakhir).”

Ditanya kemungkinan beliau mengemukakan rakyat dengan memilih bulan puasa untuk mengadakan pilihanraya, beliau menjawab: “Tafsiran itu sungguh bagus. Tidak perlulah saya membuat apa-apa penjelasan (kalau itu yang diramalkan).”